

MANUAL PENGGUNA

TABUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN NEGERI SEMBILAN (TUNS)

TUNS 2021



TUNS ▾

TUNS PLUS ▾

HUBUNGI KAMI

MOHN SEKARANG



Tabung
Pembangunan
Usahawan Negeri
Sembilan (TUNS)

Mohon Sekarang

Manual Permohonan



ISI KANDUNGAN

Pengenalan	3
Makluman Penting	4
Tatacara Memohon	5
Bahagian 1 (Butiran Asas Pemohon)	6
Bahagian 1A (Butiran Pemohon)	7
Bahagian 1B (Taraf Pendidikan dan Akaun Bank)	8
Bahagian 1C (Muat Naik Dokumen)	9
Bahagian 2A (Maklumat Perniagaan)	10
Bahagian 2B (Maklumat Lesen Perniagaan).....	12
Bahagian 2C (Maklumat Pendapatan Perniagaan).....	13
Bahagian 2D (Maklumat Premis Perniagaan).....	14
Bahagian 2E (Rekod Pembiayaan).....	15
Bahagian 2F (Muat Naik Dokumen).....	16
Bahagian 3 (Butiran Pembiayaan)	18
Butiran Barang/Peralatan.....	19
Bahagian 4 (Maklumat Waris)	21
Bahagian Semakan Status Permohonan.....	22
Bagaimana Untuk Mengemaskini Maklumat?	24
Log Masuk.....	24
Lupa Katalaluan?	24

Pengenalan

Melalui Belanjawan Negeri Sembilan 2021 yang bertemakan 'Merangsang Ekonomi Memperkasa Rakyat', Kerajaan Negeri Sembilan meneruskan inisiatif TUNS untuk tahun ketiga pada tahun ini dengan peruntukan berjumlah RM3.00juta. TUNS merupakan bantuan pembiayaan secara geran berjumlah RM3,000.00 yang disasarkan kepada Penjaja dan Peniaga Kecil Negeri Sembilan. Objektif utama penubuhan TUNS ini adalah supaya lebih ramai golongan usahawan pada skala ini berjaya diwujudkan melalui bantuan pembiayaan ini. Di samping itu juga diharapkan agar bantuan ini dapat meningkatkan perniagaan sedia ada para usahawan agar melonjak ke satu aras yang lebih baik dari sebelumnya. TUNS juga secara tidak langsung dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan di samping membantu merangsang pertumbuhan ekonomi..

Untuk memohon peruntukan khas ini, sila layari

<https://tuns.my/>

TUNS 2021



Install this webapp on your device: tap and then Add to homescreen.




**Tabung
Pembangunan
Usahawan
Negeri
Sembilan
(TUNS)**

[Mohon Sekarang](#)



**Pembiayaan
RM3,000 Untuk
Penjaja dan Peniaga
Kecil Negeri
Sembilan**

Melalui Belanjawan Negeri Sembilan 2021 yang bertemakan 'Merangsang Ekonomi Memperkasa Rakyat', Kerajaan Negeri Sembilan meneruskan inisiatif TUNS untuk tahun ketiga pada tahun ini dengan peruntukan berjumlah RM3.00juta. TUNS merupakan bantuan pembiayaan secara geran berjumlah RM3,000.00 yang disasarkan kepada Penjaja dan Peniaga Kecil Negeri Sembilan. Objektif utama penubuhan TUNS ini adalah supaya lebih ramai golongan usahawan pada skala ini berjaya diwujudkan melalui bantuan pembiayaan ini. Disamping itu juga diharapkan agar bantuan ini dapat meningkatkan perniagaan sedia ada para usahawan agar melonjak ke satu aras yang lebih baik dari sebelumnya. TUNS juga secara tidak langsung dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan disamping membantu merangsang pertumbuhan ekonomi.



Makluman Penting

Apabila anda melayari laman web ini, pastikan anda membaca **Makluman Penting** yang dipaparkan. Selain daripada itu, anda juga wajib merujuk syarat-syarat kelayakan, soalan lazim serta pastikan dokumen yang diperlukan disediakan serta disahkan sebelum di muat naik ke sistem.

Permohonan anda akan dianggap tidak lengkap sekiranya mana-mana bahagian tidak diisi dengan maklumat yang diperlukan.

Sistem memerlukan semua bahagian diisi sebelum permohonan boleh dihantar.

The screenshot shows the official website for the TUNS 2021 application. At the top, there's a navigation bar with links for 'TUNS 2021', 'Mohon', 'TUNS PLUS', 'HUBUNG KAMI', 'MOHON SEKARANG', and 'Log Masuk'. The main banner features the text 'Permohonan Usahawan Negeri Sembilan' and 'Senarai Peruntukan'. A prominent white modal window is centered on the page, titled 'Makluman Penting!'. Inside the modal, there is a numbered list of five points:

1. Sila rujuk syarat permohonan, soalan lazim dan manual pengguna sebelum memohon.
2. Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada jumlah peruntukan.
3. Bukan menjadi tanggungjawab urus setia TUNS untuk menghubungi pemohon sekiranya terdapat sebarang kesilapan pada maklumat atau dokumen yang membawa kepada penolakan mahupun permohonan tidak diproses.
4. Semua keputusan adalah mutlamad dan sebarang rayuan atau surat menyurat tidak akan dilayan.
5. Tarikh tutup permohonan adalah pada 8 Mac 2021 (11.59pm)


At the bottom right of the modal is a red button labeled 'Tutup' (Close).

Below the modal, the main content area displays the text 'Pembentangan RM3,000 Untuk Penjaja dan Peniaga Kecil Negeri Sembilan'.

Setelah anda membaca Makluman Penting ini, sila tutup notifikasi dengan menekan butang "Tutup"

Tatacara Memohon

Sebelum anda boleh memohon, pastikan anda klik pada **TUNS** dan membaca setiap komponen yang terdapat pada senarai *drop-down*.



1. Klik **Kelayakan Permohonan** untuk membaca mengenai kriteria kelayakan permohonan. Sila semak sama ada anda memenuhi semua kriteria yang dinyatakan sebelum memohon.
2. Klik **Kelayakan Perniagaan** untuk mengetahui jenis perniagaan yang layak dan tidak layak memohon.
3. Klik **Komponen Pembiayaan** untuk penerangan lebih lanjut mengenai pembiayaan geran ini.
4. Klik **Dokumen Sokongan** untuk melihat senarai dokumen yang diperlukan. Semua dokumen hendaklah diimbas dan disahkan sebelum dimuat naik. Semua dokumen yang perlu dimuat naik mestilah dalam **format PDF** kecuali bagi gambar pemohon dan gambar perniagaan (**jpg atau png**).
5. Klik **Pengesahan Dokumen** untuk melihat senarai pegawai yang layak untuk mengesahkan dokumen. Pastikan pengesahan dokumen dibuat oleh pegawai yang layak sahaja.
6. Klik **Soalan Lazim** untuk mengetahui soalan-soalan yang sering di tanya.
7. Klik **Mohon Sekarang** untuk memohon. Anda akan dibawa ke halaman **Pendaftaran Maklumat Asas**.

Bahagian 1 (Butiran Asas Pemohon)

Pendaftaran Maklumat Asas

Bahagian 1: Butiran Asas Pemohon

Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan)*
Nama *

Nombor Kad Pengenalan * (Tanpa dash (-))
Nombor Kad Pengenalan *

Alamat Emel *
Emel
Anda perlu menggunakan emel yang anda ada akses untuk log masuk.
Sekiranya anda tidak mempunyai emel sendiri, sila dapatkan emel percuma di gmail.com atau sebagainya

Daftar Butiran Asas

Nota: Selepas pendaftaran maklumat peribadi dilakukan, sistem akan menghantar emel pengesahan. Sila semak emel anda dan pastikan anda membuat pengesahan. Tanpa pengesahan ini, anda tidak dapat meneruskan permohonan ini.

1. Sila daftarkan **Nama Penuh, Nombor Kad Pengenalan** dan **Alamat E-mel** pada bahagian ini.
2. Anda akan menerima e-mel verifikasi dan pastikan anda membuat pengesahan. Anda tidak boleh meneruskan permohonan jika tiada sebarang pengesahan dibuat.
3. Untuk membuat pengesahan, anda perlu klik pada butang **Saya Mengesahkan Pendaftaran Ini**.
4. Setelah pengesahan berjaya dibuat, satu halaman baru akan dipaparkan. Sila **baca dengan teliti** semua maklumat yang terdapat pada halaman ini.

TUNS 2021

TUNS **TUNS PLUS** **HUBUNGI KAMI** **PKNS**

Komponen pembiayaan ini merangkumi bayaran sewa premis/ tapak perniagaan dan bayaran bil utiliti di premis/ tapak perniagaan tersebut. Namun begitu perniagaan yang dijalankan di premis/ tapak perniagaan milik sendiri atau perniagaan yang beroperasi dari rumah atau secara atas talian adalah tidak layak untuk memohon pembiayaan di bawah komponen ini. Bagi bayaran sewa premis/tapak perniagaan yang dijalankan, pemohon perlu mengemukakan dokumen perjanjian sewa premis/ tapak perniagaan di antara pemohon dengan pemilik premis/ tapak perniagaan. Bayaran bil utiliti yang diberikan termasuklah telefon talian tetap (fixed-line phone), internet, elektrik dan air. Permohonan di bawah komponen ini adalah berkonsepkan tuntutan semula bagi tahun semasa. oleh yang demikian, pemohon perlu mengemukakan resit-resit asal pembelian kepada urus setia untuk tujuan pembuktian.

Sebelum anda boleh meneruskan permohonan, anda perlu bersetuju dengan syarat-syarat kelayakan ini

Adalah saya dengan ini mengaku telah membaca sepenuhnya syarat-syarat kelayakan permohonan yang telah ditetapkan serta saya maklum mengenai dokumen-dokumen yang diperlukan bagi memohon pembiayaan ini. Saya dengan ini bersetuju bahawa permohonan saya akan ditolak tanpa sebarang pemakluman kepada saya, sekiranya maklumat dan dokumen sokongan permohonan saya tidak menepati mana-mana kriteria dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Teruskan Ke Permohonan

5. Klik pada kotak yang terdapat pada bahagian pengakuan anda bersetuju dengan syarat- syarat kelayakan.
6. Klik **Teruskan Ke Permohonan**.

Bahagian 1A (Butiran Pemohon)

Bahagian ini membolehkan anda mengisi maklumat peribadi anda.

Permohonan Baharu

Bahagian 1A: Butiran Pemohon

Untuk ke bahagian seterusnya, sila pastikan bahagian ini dilengkapkan sepenuhnya.

Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan)	No Kad Pengenalan
PKNS	010101010101
Alamat Emel *	Tarikh Lahir *
usahaawanpkns@gmail.com	01/01/2001
Umur *	Jantina *
20	<input checked="" type="radio"/> Lelaki <input type="radio"/> Perempuan
Bangsa *	Status Perkahwinan *
<input type="radio"/> Melayu <input type="radio"/> Cina <input type="radio"/> India <input type="radio"/> Lain-lain	<input type="radio"/> Bujang <input type="radio"/> Berkahwin <input type="radio"/> Ibu atau Bapa Tunggal
Alamat Rumah *	No Telefon *
	No Tel Rumah/Pejabat
	No Tel Bimbit *
Poskod *	Bandar *
Negeri *	Sekiranya anda tidak mahu menukar kata laluan, biarkan kata laluan ini kosong
Johor	Kata Laluan
	Ulang Kata Laluan (Masukkan kata laluan lagi sekali untuk semak)

Kemaskini **Seterusnya >**

1. Sila masukkan **Bangsa, Alamat Rumah, Poskod, Bandar, Negeri, Jantina, Status Perkahwinan, Nombor Telefon Rumah, Nombor Telefon Bimbit, Kata Laluan dan Ulang Kata Laluan**.
2. Klik **Kemaskini**.

Bahagian 1B (Taraf Pendidikan dan Akaun Bank)

Bahagian ini membolehkan anda mendaftarkan Taraf Pendidikan dan Akaun Bank.

Permohonan Baharu

Bahagian 1B: Taraf Pendidikan dan Akaun Bank

Untuk ke bahagian seterusnya, sila pastikan bahagian ini dilengkapkan sepenuhnya.

Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan)	No Kad Pengenalan	
PKNNS	010101010101	
Taraf Pendidikan	Nama Pemegang Akaun Bank *	
<input type="checkbox"/> UPSR		
<input type="checkbox"/> LCE/SRP/PMR/PT3		
<input type="checkbox"/> MCE/SPM		
<input type="checkbox"/> Sijil Kemahiran		
<input type="checkbox"/> HSC/STPM		
<input type="checkbox"/> Diploma		
<input type="checkbox"/> Ijazah		
<input type="checkbox"/> Sarjana		
<input type="checkbox"/> PhD		
<input type="checkbox"/> Tiada		
« Sebelumnya	Kemaskini	Seterusnya »

1. Pilih **Taraf Pendidikan** anda. Anda boleh pilih lebih dari satu pilihan. Pilih **Tiada** jika tiada dalam pilihan jawapan.
2. Sila isikan maklumat **akaun peribadi** anda. Masukkan **Nama Pemegang Akaun Bank, Nombor Akaun Bank dan Nama Bank**. Akaun ini akan digunakan untuk tujuan penyaluran.
3. Pastikan semua maklumat telah diisi. Klik **Kemaskini**. Sekiranya semua maklumat dimasukkan dengan tepat, anda akan dibawa ke halaman seterusnya.

Bahagian 1C (Muat Naik Dokumen)

Bahagian ini membolehkan anda memuat naik dokumen-dokumen penting iaitu gambar berukuran pasport, salinan kad pengenalan dan penyata kewangan.

Bahagian 1C: Muat Naik Dokumen

Untuk ke bahagian seterusnya, sila pastikan bahagian ini dilengkapkan sepenuhnya.

Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan) No Kad Pengenalan

Gambar Berukuran Pasport *

Anda perlu memuat-naik kad pengenalan muka hadapan dan belakang. Anda boleh memuat-naik kedua-duanya dalam satu fail atau secara berasingan. Hanya fail PDF dibenarkan.

Salinan Kad Pengenalan perlu disahkan [?](#)

Kad Pengenalan Baharu *

Pilih MyKad

Anda boleh memuat-naik penyata kewangan bank untuk enam (6) bulan dalam satu fail atau satu fail untuk setiap bulan. Anda boleh memilih beberapa fail sekaligus. Hanya fail PDF dibenarkan.

Penyata Kewangan Bank (6 Bulan) *

Pilih Penyata

Sila masukkan gambar berformat JPG atau PNG sahaja

Saya mengesahkan bahawa dokumen-dokumen yang telah dimuat-naik adalah menepati syarat kelayakan yang ditetapkan. Saya dengan ini bersetuju bahawa permohonan saya akan ditolak tanpa sebarang pemakluman kepada saya, sekiranya maklumat dan dokumen sokongan permohonan saya ini tidak menepati mana-mana kriteria dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

*** Sebelumnya** **Kemaskini** **Seterusnya »**

1. Muat naik **Gambar Berukuran Pasport**. Hanya fail dengan format **PNG** atau **JPG** sahaja dibenarkan.
2. Muat naik **Salinan Kad Pengenalan** yang telah disahkan. Hanya fail dengan format **PDF** sahaja dibenarkan.
3. Muat naik **Penyata Kewangan Bank (akaun perniagaan dan akaun peribadi)** untuk enam (6) bulan. Hanya fail dengan format **PDF** sahaja dibenarkan.
4. Sila baca bahagian pengesahan dan klik pada kotak yang disediakan jika anda bersetuju.
5. Klik **Kemaskini**. Sekiranya semua maklumat dimasukkan dengan tepat, anda akan dibawa ke halaman seterusnya.

Bahagian 2A (Maklumat Perniagaan)

Bahagian ini membolehkan anda memasukkan maklumat perniagaan.

Bahanian 2A: Maklumat Perniagaan

Sila pastikan bahagian ini dilengkapi sepenuhnya dan setiap maklumat yang diisi adalah tepat dan benar. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan permohonan tidak dapat diteruska ke bahagian seterusnya. Dokumen-dokumen yang berkaitan perlu dimuat naik di Bahagian 2F.

Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan) **No Kad Pengenalan**
PKNS 0101010101

Nama Perniagaan * (seperti dalam Sijil Pendaftaran Perniagaan SSM)
Nama Perniagaan *

Jenis Perniagaan *
Syarikat Sendirian Berhad

No. Pendaftaran Perniagaan * (seperti dalam Sijil Pendaftaran Perniagaan SSM)
Lama Wajib masukkan dash (-)
Baru Seperti dalam Sijil SSM

Alamat Perniagaan * (Alamat dimana perniagaan dijalankan)

Poskod * **Bandar ***

Negeri *
Negeri Sembilan

Parlimen * (Mengikut Alamat Perniagaan Dijalankan)
Jelebu

DUN *
Chennah

Facebook <https://www.facebook.com/<username>> **Laman Web** <http://<url>>

Instagram <https://www.instagram.com/<username>>

Tambah Maklumat Perniagaan


Pastikan anda menekan butang ini sebelum meneruskan dengan halaman lain

1. Masukkan **Nama Perniagaan** dan **Nombor Pendaftaran Perniagaan** anda seperti yang didaftarkan pada Sijil Perakuan Pendaftaran SSM. Terdapat dua (2) ruangan yang perlu diisi iaitu nombor pendaftaran **Lama** dan **Baharu**.
2. Masukkan **Alamat Perniagaan**, **Poskod**, **Bandar**, **Negeri**, **Sektor Perniagaan**, **Tarikh Luput SSM** dan **Tarikh Didaftarkan** seperti yang didaftarkan pada Sijil Perakuan Pendaftaran SSM.
3. Pilih **Parlimen** dan **DUN** berdasarkan alamat perniagaan anda dijalankan.
4. Masukkan **Nombor Telefon Pejabat**, **Nombor Telefon Bimbit**, **Jenis Perniagaan** dan **Nyatakan Perniagaan Yang Dijalankan**. Hanya nyatakan **satu** jenis perniagaan sahaja yang boleh dipohon untuk permohonan ini.
5. Masukkan maklumat media sosial seperti **Facebook**, **Instagram** dan **Laman Web (jika ada)** yang digunakan untuk perniagaan.
6. Setelah maklumat di atas dimasukkan, sila tekan butang **Tambah Maklumat Perniagaan**.

Maklumat Rakan Kongsi (Perniagaan bukan pemilikan tunggal dan mempunyai rakan kongsi)

Nama Rakan Kongsi	Nombor Kad Pengenalan
Nama Rakan Kongsi	No. Kad Pengenalan
Alamat	Nombor Telefon Bimbit
	No. Telefon Bimbit
Poskod *	Bandar *
Negeri	
Negeri Sembilan	
Tambah Rakan Kongsi	

« Sebelumnya Seterusnya »



7. Jika **Bentuk Perniagaan** yang dipilih adalah **bukan** jenis **Pemilikan Tunggal**, anda perlu mengisi **Maklumat Rakan Kongsi**.
8. Isikan **Nama Rakan Kongsi, Nombor Kad Pengenalan, Nombor Telefon Bimbit, Alamat, Poskod, Bandar dan Negeri**.
9. Muat turun **Templat Surat Persetujuan Rakan Kongsi** dan pastikan surat tersebut diisi dan ditandatangani oleh rakan kongsi. Setiap rakan kongsi perlu memberikan persetujuan dengan mengisi surat tersebut. Imbas dan muat naik surat yang telah lengkap dalam format **PDF**.
10. Klik **Tambah Rakan Kongsi** jika rakan kongsi adalah lebih dari seorang.
11. Klik **Seterusnya**.

Bahagian 2B (Maklumat Lesen Perniagaan)

Bahagian ini membolehkan anda memasukkan maklumat lesen perniagaan.

Bahagian 2B: Maklumat Lesen Perniagaan

Sila pastikan bahagian ini dilengkapkan sepenuhnya dan setiap maklumat yang diisi adalah tepat dan benar. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan permohonan tidak dapat diteruskan ke bahagian seterusnya. Dokumen-dokumen yang berkaitan perlu dimuat naik di Bahagian 2F.

Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan) No Kad Pengenalan

Adakah perniagaan anda mempunyai lesen/permit Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)? *

Ya Tidak

Jika Ya, masukkan maklumat berikut:

Nama Pemegang Lesen *	No Lesen *
<input type="text" value="Nama Pemegang Lesen *"/>	<input type="text" value="No Lesen *"/>
Jenis Lesen *	
<input type="text" value="Lesen Premis Perniagaan"/>	
Alamat Perniagaan Didaftarkan *	
<input type="text" value="Alamat Perniagaan Didaftarkan *"/>	

*** Sebelumnya** **Kemaskini** **Seterusnya »**

1. Sila pilih **Ya** atau **Tidak** pada soalan '**Adakah perniagaan mempunyai lesen / permit Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)?**' Sila pilih **Ya** jika anda mempunyai lesen perniagaan daripada Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran, Majlis Daerah atau lain-lain Jabatan /Agensi yang berkaitan.
2. Jika **Ya**, sila masukkan **Nama Pemegang Lesen, Nombor Lesen, Jenis Lesen** dan **Alamat Perniagaan Didaftarkan**.
3. Klik **Kemaskini**. Sekiranya semua maklumat dimasukkan dengan tepat, anda akan dibawa ke halaman seterusnya

Bahagian 2C (Maklumat Pendapatan Perniagaan)

Bahagian ini membolehkan anda memasukkan maklumat pendapatan perniagaan.

Bahagian 2C: Maklumat Pendapatan Perniagaan

Untuk ke bahagian seterusnya, sila pastikan bahagian ini dilengkapkan sepenuhnya.

Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan)	No Kad Pengenalan
PKNS	010101010101

Modal Perniagaan (RM) *	Bilangan Pekerja *
RM Modal Perniagaan (RM) *	Bilangan Pekerja *

Jumlah Gaji Pekerja Sebulan (RM) *	Belanja Utiliti Sebulan (RM) *
RM Jumlah Gaji Pekerja (RM) *	Belanja Utiliti (RM) *

Lain lain Perbelanjaan Sebulan (RM) (nyatakan) *	Penerangan
RM Lain lain Perbelanjaan *	Penilaian SCORE adalah alat diagnostik untuk mengukur dan mempertingkatkan daya saing syarikat bertaraf industri kecil dan sederhana berdasarkan prestasi dan kemampuan. Untuk maklumat lanjut tentang SCORE, sila layari http://www.score.gov.my Penilaian M Core adalah alat diagnostik untuk mengukur dan mempertingkatkan daya saing syarikat bertaraf mikro berdasarkan prestasi dan kemampuan. * Sekiranya anda tidak pernah menggunakan alat diagnostik ini, sila pilih Tiada

Penilaian *

- SCORE (1 Bintang)
- SCORE (2 Bintang)
- SCORE (3 Bintang)
- SCORE (4 Bintang)
- SCORE (5 Bintang)
- M Core (Tahap 1)
- M Core (Tahap 2)
- M Core (Tahap 3)
- Tiada

* Sebelumnya Kemaskini Seterusnya *

1. Sila masukkan **Modal Perniagaan, Bilangan Pekerja, Jumlah Gaji Pekerja, Belanja Utiliti** dan **Lain-lain Perbelanjaan**. Masukkan angka kosong (**0**) jika tiada.
2. Sila masukkan **penilaian SCORE / M-Core** jika ada. Pilih **Tiada** jika tidak berkaitan.
3. Klik **Kemaskini**. Sekiranya semua maklumat dimasukkan dengan tepat, anda akan dibawa ke halaman seterusnya

Bahagian 2D (Maklumat Premis Perniagaan)

Bahagian ini membolehkan anda memasukkan maklumat premis perniagaan anda.

Bahagian 2D: Maklumat Premis Perniagaan

Belum Disemak

Sila pastikan bahagian ini dilengkapkan sepenuhnya dan setiap maklumat yang diisi adalah tepat dan benar. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan permohonan tidak dapat diteruskan ke bahagian seterusnya. Dokumen-dokumen yang berkaitan perlu dimuat naik di Bahagian 2F.

Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan)	No Kad Pengenalan
PKNNS	010101010101
Dimanakan perniagaan dijalankan? *	Hak Milik *
Sila Pilih	Sila Pilih
Luas Premis (meter persegi):	Kadar Sewa Bulanan (RM):
meter	RM RM

* Sebelumnya Kemaskini Seterusnya »

1. Sila pilih '**Dimanakah Perniagaan Dijalankan**' dan '**Hak Milik**' dari pilihan yang diberi.
2. Sila masukkan nama pemilik di ruangan **Nyatakan Pemilik** jika **Hak Milik** yang dipilih adalah '**Sewa**'.
3. Sila masukkan **Luas Premis** dan **Kadar Sewa Bulanan** jika berkaitan. Masukkan **angka kosong (0)** jika tidak berkaitan.
4. Klik **Kemaskini**. Sekiranya semua maklumat dimasukkan dengan tepat, anda akan dibawa ke halaman seterusnya

Bahagian 2E (Rekod Pembiayaan)

Bahagian ini membolehkan anda memasukkan maklumat rekod pembiayaan (jika ada)

Permohonan Baharu

Bahagian 2 (E): Rekod Pembiayaan

Sila lengkapkan bahagian ini. Sekiranya bahagian ini tidak lengkap, anda tidak boleh meneruskan dengan bahagian lain. Pastikan setiap maklumat adalah tepat. Anda wajib memuat-naik dokumen sokongan di Bahagian 2F untuk mengesahkan maklumat yang dimasukkan.

Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan) No Kad Pengenalan

Adakah pemohon pernah mendapat sebarang pembiayaan dari mana-mana Jabatan/ Agensi? *

Ya Tidak

Jika YA, sila nyatakan*

Nama Jabatan/Agensi

Skim Pembiayaan

Jumlah Pembiayaan (RM)

« Sebelumnya **Kemaskini** **Seterusnya »**

1. Sila pilih **Ya** atau **Tidak** pada soalan ‘**Adakah pemohon pernah mendapat sebarang pembiayaan dari mana-mana Jabatan / Agensi?**’
2. Jika **Ya**, sila masukkan **Nama Jabatan / Agensi, Skim Pembiayaan** dan **Jumlah Pembiayaan**.
3. Klik **Kemaskini**. Sekiranya semua maklumat dimasukkan dengan tepat, anda akan dibawa ke halaman seterusnya

Bahagian 2F (Muat Naik Dokumen)

Bahagian ini membolehkan anda memuat naik dokumen penting perniagaan anda.

1. Muat turun **Dokumen Aku Janji** dan isikan maklumat yang diperlukan. Imbas dan muat naik semula dokumen yang telah lengkap dalam format **PDF**.
2. Muat turun **Borang Pengesahan Menjalankan Perniagaan** dan isikan maklumat yang diperlukan. Borang ini hendaklah diisi dan disahkan oleh **ADUN/ Penyelaras DUN**. Imbas dan muat naik semula dokumen yang telah lengkap dalam format **PDF**.
3. Muat naik **Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran SSM** yang lengkap dan telah disahkan, **Surat Persetujuan Rakan Kongsi** (jika jenis perniagaan adalah bukan Pemilikan Tunggal), dan **Salinan Lesen/ Permit Perniagaan**. Hanya fail dengan format **PDF** sahaja dibenarkan.
4. Muat naik **Salinan Perjanjian Sewa Premis/ Geran Tanah dan Surat Kebenaran Pemilik Tanah (jika berkaitan)**. Dokumen Perjanjian Sewa Premis yang perlu dimuat naik adalah **muka hadapan perjanjian** dan **Jadual A** atau **yang berkaitan**. Hanya fail dengan format **PDF** sahaja dibenarkan.

5. Muat naik **Gambar Perniagaan** anda (sekurang-kurangnya 3 gambar). Perniagaan yang beroperasi di premis perniagaan, hendaklah memuat naik gambar hadapan dan bahagian dalam premis. Manakala, perniagaan yang beroperasi dari rumah atau secara *online* hendaklah memuat naik *screenshot* dari Laman Web, Facebook, Instagram & Whatsapp yang boleh membuktikan perniagaan yang dijalankan. Hanya fail dengan format **PNG** dan **JPG** sahaja dibenarkan.

The screenshot shows a digital form interface. At the top, there is a checkbox followed by a descriptive text in Malay: "Saya mengesahkan bahawa dokumen-dokumen yang telah dimuat-naik adalah menepati syarat kelayakan yang ditetapkan. Saya dengan ini bersetuju bahawa permohonan saya akan ditolak tanpa sebarang pemakluman kepada saya, sekiranya maklumat dan dokumen sokongan permohonan saya ini tidak menepati mana-mana kriteria dan syarat-syarat yang telah ditetapkan." Below the text are three buttons: a red "« Sebelumnya" button on the left, a teal "Kemaskini" button in the center, and a teal "Seterusnya »" button on the right.

6. Sila baca bahagian pengesahan dan klik pada kotak yang disediakan jika anda bersetuju.
7. Klik **Kemaskini**. Sekiranya semua maklumat dimasukkan dengan tepat, anda akan dibawa ke halaman seterusnya.

Bahagian 3 (Butiran Pembiayaan)

Bahagian ini membolehkan anda memasukkan maklumat butiran pembiayaan. Pastikan anda telah mendapatkan sebut harga berkaitan.

Bahagian 3: Butiran Pembiayaan

Untuk ke bahagian seterusnya, sila pastikan bahagian ini dilengkapkan sepenuhnya.

Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan) No Kad Pengenalan

Pilih Butir Pembiayaan *
Pembelian Mesin & Peralatan

Bagi setiap butiran pembiayaan, pemohon perlu masukkan setiap barang yang dipohon seperti yang dinyatakan dalam sebutharga *

Nama Pembekal *
Nama Pembekal
Alamat Pembekal *
Alamat Pembekal

No. Pendaftaran SSM Pembekal *
No. Pendaftaran SSM Pembekal

Adakah pembekal adalah dari luar Negeri Sembilan? *
 Ya Tidak

Jika Ya, anda perlu memberi justifikasi mengenai pemilihan pembekal tersebut
Justifikasi

Tambah Pembekal

Maklumat pembekal akan muncul di ruangan ini sekiranya pembekal ditambah

1. Sila pilih **Butir Pembiayaan** anda.
2. Sila masukkan **Nama Pembekal, No. Pendaftaran SSM Pembekal dan Alamat Pembekal**.
3. Sila pilih **Ya** atau **Tidak** pada soalan '**Adakah pembekal adalah dari Luar Negeri Sembilan?**'
4. Jika **Ya**, sila berikan **justifikasi mengenai pemilihan pembekal tersebut**.
5. Klik **Tambah Pembekal**.

Butiran Barang/Peralatan

Bahagian ini membolehkan anda memasukkan maklumat tentang barang atau peralatan yang dipohon.

Nama Pembekal	Kategori	No. SSM	Jumlah (RM)	Tindakan
ABC	Pembelian Mesin & Peralatan	123	0.00	Butiran Padam
			0.00	

Dokumen Sebutharga belum dimuat naik. Sila tekan Butiran untuk mengemaskinkan dokumen sebutharga

Sila masukkan butiran untuk setiap pembekal. Anda wajib memuat naik dokumen sebutharga dari setiap pembekal

Sila tambah pembekal berserta sebutharga. Anda boleh memohon pembiayaan keseluruhan sehingga RM3,000.00

Jika anda memohon Pembelian Bahan Mentah dan Modal Kerja (Bil Utiliti dan Sewa Premis), jumlah kedua-duanya mestilah tidak melebihi RM1,000.00

[« Sebelumnya](#) [Seterusnya »](#)

- Klik **Butiran** untuk setiap pembekal yang telah didaftarkan bagi mengisi maklumat berkaitan barang yang ingin dipohon.

Butiran Barang/Peralatan bagi Pembekal yang dipilih

Nama Pembekal	No. Pendaftaran SSM Pembekal
ABC	123
Kategori Pembekalan	
Pembelian Mesin & Peralatan	
Nama Barang/Peralatan *	
Nama Barang/Peralatan	
Jenama *	Model/Spesifikasi *
Jenama	Model/Spesifikasi
Kuantiti *	Harga Seunit (RM) *
Kuantiti	Harga Seunit
Simpan/Tambah Barang	
Muat-naik Dokumen Sebutharga	
Pilih Dokumen	
Pastikan dokumen sebutharga yang dimuat naik mengandungi nama, nombor SSM dan alamat pembekal. Sebutharga wajib mengandungi maklumat yang sama dengan barang atau peralatan yang dimohon. Sekiranya dokumen sebutharga tidak mempunyai maklumat yang diperlukan, permohonan anda tidak dapat dipertimbangkan	

- Masukkan **Nama Barang/Peralatan, Jenama, Model/Spesifikasi, Kuantiti, dan Harga Seunit (RM)**.
- Klik **Simpan/ Tambah Barang**.
- Masukkan **setiap barang** yang terdapat pada sebut harga dengan mengulangi langkah 7.

10. Klik **Kemaskini** jika anda ingin mengemaskini **Nama Barang/Peralatan, Jenama, Model/Spesifikasi, Kuantiti, dan Harga Seunit (RM)**.
11. Klik **Padam** jika ingin memadamkan data Barang/ Peralatan yang telah dimasukkan.
12. Klik **Pilih Dokumen** untuk memuat naik dokumen sebut harga yang telah dimasukkan.
13. Klik **Teruskan**. Jika terdapat lebih dari satu pembekal, sila ulangi langkah sebelum ini.
14. Setelah selesai, klik **Seterusnya**.

NOTA:

1. Pastikan sebut harga yang dilampirkan adalah berkaitan dengan jenis perniagaan yang dipohon.
2. Jumlah keseluruhan sebut harga tidak kurang daripada RM2,000.
3. Had maksimum pembiayaan bahan mentah dan modal kerja adalah RM1,000 sahaja.
4. Stok jualan termasuk bahan pembungkusan produk adalah dikategorikan sebagai Bahan Mentah.

Bahagian 4 (Maklumat Waris)

Bahagian ini membolehkan anda memasukkan maklumat waris.

Bahagian 4: Maklumat Waris

Untuk ke bahagian seterusnya, sila pastikan bahagian ini dilengkapkan sepenuhnya.

Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan)	No Kad Pengenalan
PKNNS	010101010101
Nama Penuh Waris (seperti dalam kad pengenalan) *	
Nama Penuh Waris	
No. Telefon Rumah & Bimbit Waris *	No. Kad Pengenalan Waris (baru) *
No. Telefon Rumah Waris	No. Kad Pengenalan
No. Telefon Bimbit Waris	Alamat Rumah Waris *
Alamat Rumah	
Hubungan Waris Dengan Pemohon *	
<input type="radio"/> Suami <input type="radio"/> Isteri <input type="radio"/> Ayah <input type="radio"/> Ibu <input type="radio"/> Anak <input type="radio"/> Lain-lain	
« Sebelumnya Kemaskini Seterusnya »	

1. Sila masukkan **Nama Penuh Waris** dan **Nombor Kad Pengenalan Waris** seperti dalam kad pengenalan. Waris hendaklah ahli keluarga terdekat dan berumur **18 tahun dan ke atas**.
2. Sila masukkan **Nombor Telefon Rumah**, **Nombor Telefon Bimbit** dan **Alamat Rumah Waris**. Pastikan nombor telefon yang diisi adalah milik waris tersebut dan boleh dihubungi.
3. Sila pilih **Hubungan Waris Dengan Pemohon** dari pilihan jawapan yang diberi.
4. Klik **Kemaskini**. Sekiranya semua maklumat dimasukkan dengan tepat, anda akan dibawa ke halaman seterusnya

Bahagian Semakan Status Permohonan

Bahagian ini membolehkan anda melihat status untuk setiap bahagian dan seterusnya membuat permohonan sekiranya semua bahagian adalah lengkap.

Semakan Status Permohonan

No	Bahagian	Status	Tarikh Kemaskini
1	Bahagian 1A: Maklumat Peribadi	Lengkap	09-02-2021 10:02 AM
2	Bahagian 1B: Taraf Pendidikan dan Akaun Bank	Lengkap	09-02-2021 10:58 AM
3	Bahagian 1C: Muat Naik Dokumen Peribadi	Lengkap	09-02-2021 03:45 PM
4	Bahagian 2A: Maklumat Perniagaan	Lengkap	09-02-2021 12:36 PM
5	Bahagian 2B: Maklumat Lesen Perniagaan	Lengkap	09-02-2021 12:38 PM
6	Bahagian 2C: Maklumat Pendapatan Perniagaan	Lengkap	09-02-2021 12:38 PM
7	Bahagian 2D: Maklumat Premis	Lengkap	09-02-2021 12:38 PM
8	Bahagian 2E: Maklumat Rekod Pembiayaan	Lengkap	09-02-2021 12:38 PM
9	Bahagian 2F: Muat Naik Dokumen Perniagaan	Lengkap	09-02-2021 12:38 PM
10	Bahagian 3: Maklumat Pembiayaan	Lengkap	09-02-2021 03:43 PM
11	Bahagian 4: Maklumat Waris	Lengkap	09-02-2021 03:43 PM
12	Bahagian 5: Pengakuan	Lengkap	09-02-2021 03:12 PM

Pengakuan

1. Sila pastikan ruangan **Status** adalah **Lengkap**. Permohonan **tidak dapat dihantar** jika ada bahagian yang berstatus **Tidak Lengkap** atau **Belum Disemak**.
2. Pastikan **semua dokumen yang dimuat naik adalah menepati syarat-syarat** yang telah dinyatakan. Permohonan anda akan diproses berdasarkan dokumen yang telah dikemukakan dan kegagalan untuk memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan akan menyebabkan permohonan anda tidak dipertimbangkan.

Pengakuan

Sila baca terma dan syarat berikut dan buat pilihan seperti di bawah:


1. Saya bersetuju bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan bersedia bertanggungjawab dan dikenakan tindakan jika terdapat sebarang unsur penipuan atau pemalsuan dokumen.
2. Saya bersetuju bahawa pihak Kerajaan Negeri serta Jabatan / Agensi berkaitan Geran Tabung Pembangunan Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang pertikaian atau kerugian dari mana-mana maklumat yang telah diberikan.

Saya Bersetuju untuk Menghantar Permohonan Ini

Hantar

3. Sila baca dan fahami bahagian **Pengakuan**. Anda diberi dua (2) pilihan iaitu '**Saya Bersetuju Untuk Menghantar Permohonan Ini**' atau '**Saya Tidak Setuju dan Mahu Membatalkan Permohonan**'. Setelah membuat pilihan, klik **Hantar**.

4. Jika anda berhasrat untuk **mengemaskini permohonan** ini, anda **tidak perlu klik Hantar**. Anda boleh log masuk semula untuk mengemaskini maklumat yang diperlukan.
5. **Permohonan yang telah dihantar tidak boleh dikemaskini.**
6. Anda boleh log keluar daripada sistem setelah permohonan anda dihantar.



7. Satu *pop-up* akan dipaparkan jika permohonan telah dihantar. Klik **OK**.
8. Anda akan menerima e-mel pengesahan yang memaklumkan permohonan telah diterima. Simpan e-mel ini untuk rujukan.

Bagaimana Untuk Mengemaskini Maklumat?

Sistem ini dilengkapi dengan fungsi untuk mengingati anda. Sekiranya ada bahagian yang tidak lengkap atau ada dokumen yang belum dapat dimuat-naik, anda boleh keluar dari sistem pada bila-bila masa. Tidak semestinya anda perlu mengisi semua maklumat hanya dengan sekali pendaftaran.

Sekira anda perlu keluar daripada sistem, anda boleh menekan icon keluar



Anda juga boleh masuk balik ke sistem pada bila-bila masa dan mengubah maklumat yang dikehendaki selagi tarikh permohonan belum ditutup.

Log Masuk

Untuk masuk ke sistem, anda perlu menekan butang Log Masuk dan sistem akan memaparkan ruangan untuk memasukkan Nombor Kad Pengenalan dan Katalaluan.

Log Masuk

Nombor Kad Pengenalan

Katalaluan

Log Masuk

[Lupa katalaluan?](#)

Sekiranya anda ada menghubungkan Facebook atau Google dengan profil anda, anda boleh log masuk melalui cara berikut tanpa menggunakan sebarang kata laluan

[Facebook](#) atau [Google](#)

Lupa Katalaluan?

Sekiranya anda lupa katalaluan, sila tekan butang Lupa Katalaluan. Sistem akan menyediakan popup untuk anda masukkan nombor kad pengenalan dan emel yang didaftarkan. Sila masukkan maklumat yang betul dan tekan butang Set Semula Katalaluan.

Sistem akan menyemak maklumat yang dimasukkan sebelum anda boleh set semula katalaluan.

Setelah anda set katalaluan, anda boleh log masuk menggunakan nombor kad pengenalan dan katalaluan baharu.

Sistem akan memaparkan halaman Profil Anda. Anda boleh pergi ke mana-mana bahagian yang belum disemak atau tidak lengkap untuk membuat pengemaskinian.

Lupa Katalaluan

Isi maklumat di bawah untuk mendapatkan kata laluan baru:

Nombor Kad Pengenalan

Alamat Emel

Sila masukkan alamat emel yang sah

X Tutup **Set Semula Katalaluan**